

MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PARTI PROGRESIF PENDUDUK MALAYSIA (PPP) (BARU)

MENARA PGRM, JALAN PUDU ULU, KUALA LUMPUR , 3 SEPTEMBER 1996

Saya mengucapkan terima kasih kepada Parti Progresif Penduduk Malaysia atau PPP (Baru) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat agungnya hari ini. Sesungguhnya jemputan ini amat besar ertinya kepada saya bukan kerana saya selaku Pengerusi Barisan Nasional ataupun Perdana Menteri tetapi kerana kepercayaan tinggi yang diletakkan kepada perikatan parti kita atau `alliance' dalam Barisan Nasional.

2. Barisan Nasional yang dulu kita kenali sebagai `Perikatan' kini sudah semakin matang dan bertambah kuat dari sehari ke sehari. Tiga anggota komponennya yang menjadi parti pengasas kepada penubuhan `Perikatan' iaitu UMNO, MCA dan MIC, masing-masing sudahpun berusia kira-kira setengah abad. Usia ketiga-tiga parti komponen ini adalah lebih tua daripada usia negara kita yang baru menyambut ulangtahun kemerdekaannya yang ke 39 tahun.

3. Betapa ketiga-tiga parti politik ini yang jelas mewakili kaum masing-masing, iaitu Melayu, Cina dan India, dapat wujud bersama dan bekerjasama dalam politik berbilang kaum dan dengan itu dapat membangun dan memajukan negara sehingga hari ini adalah sesuatu yang menakjubkan. Ketiga-tiga parti politik ini yang sudah dapat bekerjasama dari sejak 1952 lagi adalah satu testimoni rakyat negara ini dapat bersatu dalam kepelbagaian rupa kulit, asal keturunan, bahasa, budaya dan agama. Mereka bersama-sama dapat berdepan dan mengharungi segala macam halangan, cabaran dan dugaan dalam membangunkan negara kita dengan jayanya.

4. Kewibawaan yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga parti politik kaum ini sejak sebelum merdeka dan selepas itu, telah menarik minat parti-parti politik lain untuk menyertai `Perikatan'. Dasar bermesyuarah dan saling faham memahami antara satu sama lain serta hormat menghormati dalam perikatan itu begitu menyenangkan parti-parti yang menganggotai `Perikatan'. Masing-masing merasakan yang ianya diberi dan mempunyai tempat dalam perikatan tanpa mengira samada partinya besar ataupun kecil. Semua anggota diberikan kedudukan dan taraf yang sama daripada segi layanan dan pandangan mereka. Inilah keistimewaan Barisan Nasional.

5. `Perikatan' semakin lama semakin popular dan diminati oleh parti-parti politik yang lama atau baru. Parti politik yang pernah menjadi pembangkang kuat kepada `Perikatan' atau `Barisan Nasional' dulu turut menjadi anggota komponen. Yang baru ditubuhkan juga ingin menyertai barisan kita. Yang serpih

dan berpecah-belah dulu pun ingin bersama dan bersatu kembali di bawah naungan Barisan Nasional.

6. Parti-parti politik dari negeri-negeri lain seperti Sabah dan Sarawak turut menyertai Barisan Nasional kerana kepercayaan mereka terhadap Barisan Nasional yang mampu memberi keadilan kepada semua rakyat tanpa mengira di mana mereka berada daripada segi pembangunan. Perikatan ini lama-kelamaan semakin membesar dan kemudian dikenali sebagai 'Barisan Nasional'. Ia berkembang sesuai dengan pertambahan keanggotaannya dan berubah mengikut peredaran masa.

7. Inilah Barisan Nasional yang ada sekarang, semakin berkembang, mantap dan maju. Kekuatannya adalah kerana dokongan setiap anggota komponennya dan kepercayaan yang diletakkan kepada prinsip dan asas perjuangan Barisan Nasional. Keunikannya ialah kebebasan diberikan kepada semua anggota komponen untuk menyuarakan pendapat atau pandangan mereka terhadap sesuatu agenda, isu atau masalah. Mereka bebas melahirkan sokongan atau bantahan mereka terhadap apa-apa perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat tertinggi Barisan Nasional. Hanya yang dikehendaki ialah semua anggota Barisan Nasional merapatkan barisan dan mempertahankan apa yang telah dipersetujui bersama.

8. Jika terdapat percanggahan pendapat yang ketara di kalangan anggota komponen, satu konsensus akan dicari untuk menyelesaikan masalah itu. Barisan Nasional mengamalkan demokrasi tulen. Jika konsensus tidak dapat dicapai maka suara majoriti dijadikan pendirian Barisan Nasional. Namun suara majoriti tetap mengambilkira pendapat anggota Barisan Nasional.

9. Cara ini dapat mengelakkan masalah-masalah dalaman atau yang melibatkan anggota komponen secara langsung atau yang boleh menjejaskan kedudukan mereka sebagai parti politik, daripada diselesaikan di luar Barisan Nasional. Justeru itu, anggota-anggota komponen Barisan Nasional tidak kelihatan bercakaran atau saling tuduh menuduh di khalayak ramai apabila mereka mempunyai pendapat yang berbeza dalam apa juga perkara.

10. Perkara ini kerap berlaku di kalangan parti-parti pembangkang yang sering menggunakan media untuk menghentam sesama mereka. Baru-baru ini kita lihat bagaimana satu perikatan pembangkang saling tuduh-menuduh dan kecam-mengecam di antara satu sama lain hingga berlaku perpecahan. Mereka mendedahkan keburukan diri masing-masing, seperti kata orang Inggeris "washing dirty linens in public".

11. Inilah yang kita tidak mahu lihat berlaku kepada Barisan Nasional. Kita tidak mahu kerana ada sebuah parti komponen

tidak puashati tentang sesuatu perkara atau tidak bersetuju dengan pendapat majoriti, ia pergi ke khalayak ramai yang tidak ada hubungan kait dengannya untuk menyatakan pendiriannya dan cuba mendapatkan sokongan atau simpati. Tindakan sedemikian bukan sahaja akan menjejaskan imej baik Barisan Nasional sebagai tunggak Kerajaan bahkan akan merosakkan perpaduan kita.

12. Penyelesaian atau perbincangan apa-apa masalah yang melibatkan keluarga anggota komponen secara dalaman akan dapat menghalang orang luar daripada terseret masuk atau campur tangan dalam urusan Barisan Nasional. Sudah banyak perkara yang menjadi 'duri' dalam hubungan kita telah diselesaikan dengan baik tanpa perlu kita heboh kepada dunia luar. Soal bahasa, hak bumiputera, hak bukan bumiputera, agama dan politik yang sering menjadi bahan sensitif kaum- kaum di negara ini selalu dibincangkan dalam suasana yang penuh persefahaman dalam Barisan Nasional.

13. Pendekatan ini membawa kepada kestabilan politik yang membolehkan negara kita bangun dengan pesat. Daripada pembangunan yang pesat ini kita semua mendapat faedah. Sebaliknya jika kestabilan politik tidak ada, pembangunan tidak akan dihasilkan dan siapa pun, termasuk yang menuntut hak tidak akan mendapat apa-apa. Adalah lebih menguntungkan jika kita dapat sebahagian daripada hasil kejayaan yang tinggi daripada kita mendapat 100 peratus daripada kegagalan negara. 'Twenty percent of a successful enterprise is better than 100 percent of one that fails.'

14. Saya berpendapat bahawa mana-mana parti yang menjadi anggota komponen Barisan Nasional sudah tentu memahami konsep atau falsafah perjuangan Barisan Nasional, iaitu kita bergerak atau bertindak secara berpasukan, as a 'team'. Jika konsep atau falsafah ini tidak boleh diterima, eloklah jangan menyertai Barisan Nasional.

15. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap parti komponen Barisan Nasional dan ahli-ahli parti mereka menjaga nama baik ikatan dan perpaduan anggota parti kita. Kita hendaklah sentiasa bertindak 'in unison' dalam menangani apa-apa masalah atau dalam membuat apa-apa keputusan.

16. Saya gembira mendapati Parti Progresif Penduduk Malaysia atau PPP (Baru) semakin berkembang maju. PPP (Baru) ternyata menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan sebagai salah sebuah parti komponen Barisan Nasional yang prihatin terhadap masalah- masalah rakyat.

17. Dengan kesedaran bahawa keutuhan Barisan Nasional bergantung pada kebijaksanaan, ketaatan, disiplin dan wawasan

setiap anggota parti komponen dan ahli-ahlinya, saya dengan ini merasmikan mesyuarat agung Parti Progresif Penduduk Malaysia.